

## **KE ARAH INTEGRASI EKONOMI DUNIA ISLAM: STRATEGI UNTUK MENANGANI KESAN GLOBALISASI\***

**M. Shabri Abd. Majid\*\*  
Nasir Azis\*\*\***

### ***ABSTRACT***

*Globalization is a process of world nationalization. This process intends to establish a single world country under the authority of world federation government where its economic stability is controlled by world central bank. As a global and universal religion, Islam encourages its believers to act upon “together we develop” as strategy and “together we share the reward” as the ultimate aspirations in performing all daily activities, include countering the threats and gaining the advantages of globalization. Islam is not a religion of anti globalization. The concept of “ummah al-wāhidah” indicates that Muslim is united by the universal concept of Islamic brotherhood. To integrate Islamic world economy, Muslim obliges to be united and co-operated to each other. The Muslim unity and co-operation have to be supported by a proper strategy to benefit the advantages and minimize the disadvantages of globalization. Confidence, trust, commitment, ethics and the way in which crises and difficulties should be resolved among the Muslim countries is the key feature of the success towards realizing total economic integration.*

---

\* Draft awal dari makalah ini telah dibentangkan pada *International Seminar, Indonesia-Malaysia on the Role and Harmonization of Economics and Business Disciplines in Global Competitiveness*, Syiah Kuala University, Banda Aceh, Indonesia, 14-15 Oktober, 2002.

\*\* Pensyarah, Jabatan Ekonomi, Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

\*\*\* Pensyarah, Jabatan Pengurusan, Fakulti Ekonomi, Universiti Kuala Syiah, Indonesia.

## PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini, istilah liberalisasi, internasionalisasi, privatisasi dan integrasi telah menjadi suatu isu hangat antarabangsa yang sangat intensif dibincangkan para pakar ekonomi di seluruh pelosok dunia. Pada hakikatnya, semua istilah di atas merupakan suatu proses dasar ekonomi negara maju sebagai sebahagian dari usaha mereka untuk mengglobalisasikan dunia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada aspek sosial, budaya, politik maupun aspek ekonomi di bawah satu kekuasaan tunggal antarabangsa. Menurut Yusuf (2001), puncak pertama gelombang globalisasi telah muncul sejak awal abad ke-20.<sup>1</sup> Di tengah rancaknya dunia berpacu dalam arus globalisasi, sayangnya umat Islam masih lagi dikelirukan oleh istilah globalisasi itu sendiri. Realiti ini, sebenarnya, sangat merugikan posisi umat Islam sendiri. Kenapa tidak? Kerana sepatutnya umat Islam sudah bersedia menghadapi pelbagai cabaran dan kesan globalisasi tersebut dengan terlebih dahulu memahami apa sebenarnya globalisasi itu?; apa matlamatnya?; sejauhmana kesannya terhadap umat Islam?; siapa kiranya berada di balik globalisasi itu?; perbekalan apa sahaja yang harus disediakan untuk menghadapi kesan globalisasi?; dan bagaimana strategi berkesan untuk mengubah cabaran globalisasi menjadi peluang bagi umat Islam? Namun, kita belum membuat persediaan apa-apa disebabkan kealpaan, kurangnya sensitiviti dan ketiadaan pengetahuan kita terhadap globalisasi. Padahal banyak negara Sosialis telah memberi tindakan balas terhadap kesan globalisasi, namun umat Islam masih diam seribu bahasa.<sup>2</sup> Kalau umat Islam masih lagi dibingungkan oleh istilah globalisasi, maka mustahil bagi umat Islam untuk dapat membekali diri secara mantap dalam menghadapi cabaran dan kesan globalisasi, apatah lagi untuk membangunkan ekonomi mereka di tengah dunia yang semakin global.

Lajunya arus globalisasi mengalir selari dengan semakin rumitnya persekitaran global dan semakin menipisnya sumber alam telah memotivasi negara maju untuk bekerjasama sehingga segala kesukaran dan kekurangan akan dapat diselesaikan bersama. Dengan saling menyesuaikan diri, memiliki kepentingan dan matlamat bersama, bersifat saling terbuka dan memiliki komitmen bersama, maka bentuk

<sup>1</sup> Yusuf, S. (2001), *Globalization and the Challenge for Developing Countries*. World Bank DECRG, h. 34.

<sup>2</sup> Perkara ini seperti dinyatakan Ameli, S.R., Pengasas Islamic Institute of Islamic Studies dan Bekas Director of Islamic Centre London-England, Holloway University of London sebagai berikut: "Today we can see an anti-globalization movement taking place through the socialists - you cannot see any movement in third world (Muslim) countries against globalization - this is very sad because it means that they don't understand what's going on. If someone doesn't know what they are facing then they can't stop it." Lihat Ameli, S.R. (t.t.), *Muslim Response to Globalisation*, London: Islamic Centre, h. 74.

kerjasama antara negara-negara maju untuk mempertahankan ekonomi mereka dari cabaran luar dan bahkan usaha untuk memperkuat pengaruhnya di seluruh dunia telah membawa hasil. Kejayaan bentuk kerjasama negara-negara maju dengan mudah dapat kita lihat dari pembentukan Negara Kesatuan Eropah dengan matawang tunggalnya, Euro, Pertubuhan Ekonomi Asia-Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC), Pertubuhan Perdagangan Bebas Atlantik Utara (North Atlantic Free-Trade Association, NAFTA), dan pelbagai bentuk kawasan perdagangan bebas (*free trade areas*) antara negara maju lainnya. Namun, kerjasama antara negara-negara Islam, khususnya negara-negara Arab sungguh berjalan sangat lambat, dan bahkan hampir tidak ada kemajuan sama sekali. Perkara ini seperti disebutkan Meena (1997a) sebagai berikut:

*"While other countries liberalized and set out to attract new investment, many Muslim countries were content to print glossy brochures saying how they could provide facilities which in fact existed only in the brochures... We Muslims, as usual, watch, wait and see; We should by now, however, have had enough of this non-productive practice. Others have undertaken reforms and are consequently making progress. We are still content to watch and wait and see".<sup>3</sup>*

Sifat umat Islam yang suka mengamati, menunggu dan melihat (*watch, wait and see*), jelas akan mengaburkan masa hadapan umat Islam sendiri. Masa hadapan ekonomi dunia Islam sangat bergantung pada dasar dan strategi ekonomi yang mereka gunakan. Strategi mantap diperlukan untuk menghadapi dasar ekonomi negara-negara maju yang telah membentuk pakatan-pakatan ekonomi. Sebuah negara, tanpa bekerjama, tidak akan mampu mengimbangi kekuatan negara-negara yang telah membentuk pakatan ekonomi. Semakin besar pakatan ekonomi, semakin besar pula kekuatan dan pengaruhnya. Bagaimana nasib negara kecil, seperti Lubnan, Brunei Darussalam, Libya, Bahrain, Qatar, atau negara-negara Muslim<sup>4</sup> lainnya yang tidak memiliki pakatan ekonomi dalam menghadapi pakatan ekonomi besar? Jelas bahawa negara yang tidak terurus dengan baik, suka atau tidak suka, terpaksa harus mengikuti telunjuk pakatan-pakatan ekonomi besar.

<sup>3</sup> Meena, K. (1997a), "Arab Industry's Sorry State", *Arab News*. Jeddah, Saudi Arabia, September, 2 1997.

<sup>4</sup> Walaupun sebutan antara negara-negara Muslim dan negara-negara Islam sering disebutkan secara bertukar (*interchangeably*), namun penulis lebih cenderung menyebutnya negara Muslim, sebab majoriti penduduk yang bermastautin di 56 negara yang bergabung dalam *Organization Islamic Countries* (OIC) adalah Muslim, tetapi bukannya negara yang diterajui berteraskan sistem pemerintahan *Daulah Islamiyah*.

Dalam makalahnya, Abdullah (2000) dan Abdullah dan Abd. Majid (2001) telah mengkaji kadar perdagangan antara 27 negara Muslim pada tahun 1990-2000. Mereka mendapati bahawa perdagangan antara dunia Islam jauh tidak intensif berbanding dengan perdagangan dunia Islam dengan negara-negara barat.<sup>5</sup> Oleh itu, perdagangan intensif antara umat Islam dan bentuk-bentuk kerjasama ekonomi lainnya harus segera dipertingkatkan, khasnya dalam menghadapi cabaran dunia maju dengan perdagangan liberalisasinya, di mana umat Islam merupakan sebahagian darinya. Bukti ini menunjukkan bahawa hubungan sejarah dan kesamaan agama sebagai pemangkin kerjasama antara dunia Islam adalah kurang penting berbanding dengan faktor-faktor ekonomi. Sikap ini harus segera diubah oleh setiap negara Islam, kerana bekerjasama (*ta'awün*) merupakan sebahagian dari seruan agama.<sup>6</sup>

Sebenarnya, dilemma utama negara Islam adalah mereka sering bersaing antara satu sama lain daripada bekerjasama. Dunia Islam harus segera bekerja sama, menciptakan rasa saling percaya dan bersahabat antara satu sama lain sehingga mampu mengimbangi ekonomi global. Tanpa integrasi sosio-ekonomi antara negara Islam, maka tidak akan wujud interdipendensi antara dunia Islam dengan barat. Terlalu bergantung pada dunia barat tentunya sangat merugikan posisi umat Islam sendiri. Oleh itu, dunia Islam perlu segera membentuk Pasaran Bersama Dunia Islam (*Islamic World Common Market*) dalam menghadapi tantangan negara-negara maju, seperti Eropah, Amerika Syarikat, dan negara-negara maju lainnya. Tidak ada pilihan lain, kecuali secara bersama-sama bertindak, kalau memang tidak ingin menjadi penonton dan mangsa sistem perdagangan dunia di era globalisasi, seperti *World Trade Organization* (WTO) dan *General Agreement on Tariffs and Trade* (GATT) serta pergerakan arus globalisasi yang berjalan dengan lajunya. Ini menunjukkan bahawa untuk dapat meraih rahmat globalisasi, umat Islam tidak boleh berpangku tangan sahaja dengan seratus peratus mempercayai janji-janji palsu negara maju dalam proses globalisasi yang sedang rancak dilakukan mereka. Umat Islam harus proaktif membekalkan diri dalam menghadapi cabaran globalisasi yang begitu dahsyat, apalagi melihat keadaan ekonomi negara-negara Muslim

<sup>5</sup> Abdullah, N. (2000), "Bilateral Trade Linkages among Muslim Countries *vis-à-vis* the Rest of the World: Some Comparative Analysis." *Preliminary Proceedings of the International Seminar on Ways and Means to Establish Islamic Common Market*. The Islamic Republic of Iran, Ministry of Commerce, 27-28<sup>th</sup> September; Abdullah, N. dan Abd. Majid, M.S., Malaysia's Bilateral Trade Linkages with OIC Countries *vis-à-vis* the Rest of the World, 1990-June 2000, Kertas Kerja Seminar *The National Workshop on Capacity Building towards Excellence in Economic Research and Policy Formulation*, 23-24hb April 2001, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia.

<sup>6</sup> Lihat erti ayat berikut: "...dan tolong menolonglah kamu dalam berbuat kebaikan dan taqwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran..." (Surah al-Maidah (5): 2).

sekarang yang sangat jauh tertinggal dari pelbagai kemudahan teknologi. Kalaupun umat Islam belum berjaya memanfaatkan rahmat globalisasi secara maksima, hendaklah tidak menjadi mangsa keganasan globalisasi itu sendiri. Secara berperingkat tetapi pasti, umat Islam haruslah memperkuat posisi ekonominya dengan cara lebih mempertingkatkan *ukhuwah Islāmīyah* antara sesama negara Muslim sama ada di bawah Pertubuhan Persidangan Negara Islam (*Islamic Conference Organization*, OIC) maupun di bawah bentuk pertubuhan lainnya. Bila umat Islam bersatu padu (berintegrasi), sebenarnya, umat Islam mempunyai kekuatan tawar-menawar (*bargaining power*) yang luar biasa dengan negara-negara barat, seperti dengan menggunakan isu minyak antarabangsa yang sebahagian besar keluaran minyak dunia di eksport oleh negara-negara Islam yang bergabung di bawah *Organization Petroleum of Exporter Countries* (OPEC).

Selain membahas globalisasi dalam perspektif Islam, tulisan ini juga ingin menganalisis beberapa strategi yang perlu diambil dunia Islam untuk mengintegrasikan ekonomi mereka sebagai salah satu usaha dalam menghadapi cabaran dan kesan globalisasi ekonomi.

## INTEGRASI, GLOBALISASI DAN KESANNYA BAGI UMAT ISLAM

Sebagai bahagian dari sebuah proses evolusi peradaban manusia melalui media dan perdagangan, globalisasi dideafinaskan oleh *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) sebagai:

*"Suatu keadaan di mana perusahaan-perusahaan dan institusi kewangan beroperasi secara transnasional;... barang-barang, faktor-faktor pengeluaran dan aset kewangan suatu negara dapat diperdagangkan dengan sempurna di seluruh dunia sehingga kita tidak mungkin lagi melihat negara sebagai suatu entiti ekonomi yang berbeza dalam menetapkan dasar ekonomi negara secara otonomi dalam mewujudkan matlamat negara masing-masing".<sup>7</sup>*

Dengan lain perkataan, globalisasi ekonomi merupakan suatu usaha untuk membuka dunia sebebas-bebasnya tanpa adanya sempadan (*borderless*) dengan hanya ada satu peraturan dunia yang integral tanpa dihalangi oleh peraturan-peraturan negara-negara tertentu. Sementara itu, integrasi ekonomi antarabangsa atau sering disebutkan dengan integrasi ekonomi keseluruhan (*total economic integration*) diertikan sebagai kesatuan ekonomi penuh antara kelompok dan

<sup>7</sup> UNCTAD (2004), *Globalization, Liberalization and Sustainable Human Development: Analytical Perspectives*. USA: UNCTAD, h. 7.

pelbagai negara.<sup>8</sup> Integrasi pasaran dunia, menurut Stalker (2000) adalah "*the death of geography and states*".<sup>9</sup> Kerana dengan adanya integrasi pasaran dunia sebagai bahagian dari proses globalisasi, kita sudah hidup di alam bebas tanpa sempadan dan di bawah dasar pintu terbuka (*open door policy*). Pendek kata, globalisasi ekonomi adalah suatu proses untuk "*menduniakan negara*", iaitu dengan cara mewujudkan satu negara tunggal dunia di bawah pengawalan Pemerintah Federasi Dunia yang kestabilan ekonominya di kawal oleh Bank Sentral Dunia.<sup>10</sup> Jadi, integrasi merupakan sebahagian dari globalisasi.

Dari pelbagai definisi di atas, kita dapat melihat bahawa globalisasi adalah suatu proses independen di mana hanya ada satu institusi yang bertugas untuk mengawal fundamental ekonomi dunia di mana semua pelaku ekonomi dunia harus memainkan peraturan yang sama secara terbuka dan bertanggung jawab. Setidaknya, ada tiga unsur utama globalisasi ekonomi, iaitu perdagangan bebas (*free trade*) yang meliputi eksport dan import, pemindahan modal secara bebas antara benua yang biasanya ditandai dengan kebebasan pelaburan modal asing, dan pemindahan teknologi. Perkembangan teknologi, penghapusan beberapa halangan-halangan perdagangan (*trade barriers*), deregulasi pasaran wang, dan revolusi di bidang telekomunikasi dan multimedia telah memberi kontribusi terhadap wujudnya integrasi pasaran wang secara global. Globalisasi juga ditandai dengan rendahnya tarif eksport dan bahkan bebas tarif sehingga pasaran antarabangsa akan berintegrasi membentuk struktur pengeluaran yang lebih efisien. Selanjutnya, proses pengeluaran yang efisien akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menaikkan penghasilan pekerja dan memberikan kebebasan kepada pengguna dalam memilih dan membeli apa sahaja di belahan dunia ini dengan sebebas-bebasnya. Ekorannya, ekonomi dunia berada di bawah kuasa perusahaan-perusahaan gergasi multinasional.

Gambaran di atas menunjukkan bahawa globalisasi ini bukanlah sesuatu yang semuanya jelek dan juga ianya bukanlah sesuatu yang seluruhnya baik (*maksum*) tanpa cela, tetapi globalisasi lebih kepada peluang dan cabaran. Ianya seperti matawang bersisi ganda. Peluang ini terjadi, *inter alia*, disebabkan oleh tingginya harapan bahawa pengeluaran domestik akan menjadi lebih efisien akibat bebasnya perpindahan barang dan perkhidmatan, modal, buruh, dan idea-idea restruktif.

<sup>8</sup> Zineldin, M. (1998), Globalisation and Economic Integration among Arab Countries, (Makalah dibentangkan pada *The Fourth Nordic Conference on Middle Eastern Studies: The Middle East in Globalizing World*. Oslo, 13-16hb Ogos 1998, h. 8.

<sup>9</sup> Stalker, P. (2000), *Workers without Frontiers: The Impact of Globalization on International Migration*. Boulder, Colorado: Lynne Reiner Publishers, h. 5-7.

<sup>10</sup> Fariborz, M. (2000), Financial Challenges for the New Millennium. *Journal of Multinational Financial Management*, Vol. 10, h. 215.

Namun, sungguh risiko yang besar boleh berlaku akibat persaingan bebas di peringkat antarabangsa. Dalam sebuah persaingan mesti ada pihak yang menang dan kalah. Akibat tidak memadainya kemudahan dan insentif perdagangan, maka sangatlah sukar bagi negara berkembang dan negara miskin yang majoritinya terdiri dari negara-negara Muslim untuk dapat mengimbangi apalagi untuk mengungguli ekonomi negara-negara maju. Fakta menunjukkan bahawa peningkatan eksport yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan bebasnya perpindahan modal (bukan buruh) tidak pernah mengurangi sedikitpun kadar kemiskinan penduduk di negara-negara Muslim. Menyedari realiti ini, yang jadi pertanyaan sekarang adalah sejauhmana usaha-usaha yang telah dilakukan umat Islam dalam mengintegrasikan ekonomi mereka sehingga mampu mengubah dan memanfaatkan cabaran globalisasi itu menjadi peluang bagi kesejahteraan ekonomi dunia Islam?.

Di antara cabaran globalisasi bagi umat Islam, seperti disebutkan Mantan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad dalam Kongres Pembangunan Ekonomi Sedunia dan Forum Kepimpinan Asia yang diadakan di Kuala Lumpur pada 28 Jun 2001 sebagai berikut: "*sekarang lebih banyak syarikat datang....mereka datang sebagai entiti yang begitu besar setelah bergabung sesama sendiri. Mereka bukan sahaja ingin datang, malah mengambil alih industri kita.* Oleh itu, "*Kita tidak boleh bersaing dengan mereka yang beroperasi di seluruh dunia.....inilah cabaran kita, kemunculan perusahaan gergasi multinasional yang membimbangkan kita. Kita mengharapkan kedatangan, tetapi bukan untuk mendominasi*".<sup>11</sup> Gambaran yang lebih terperinci lagi tentang kesan globalisasi seperti dinyatakan Ameli (t.t.):

*"Companies are looking to make money - to sell to the people - they need to produce something new for the people. 'Newness' creates a market. If you bring the old fashioned, no one will go for it - this is a principle in marketing if you want to create a market you have to create newness. It is not important to them what's going to happen to the culture of the people, what's going to happen to the behavior of the people, what's going to happen to the family. .. to the children - they don't care - they want money. And because they want money they have to create newness and they don't have any limitation, they don't have any hesitation no matter if that newness comes through sex, that newness comes through the demolishing of human values - they will do it. They don't care about social problems - they just study marketing - how they can target the people - the consumers".<sup>12</sup>*

<sup>11</sup> Berita Harian Malaysia, 28 Jun 2001.

<sup>12</sup> Ameli, S.R., op.cit. h. 79.

Akibatnya, secara berperingkat tetapi pasti, industri milik umat Islam akan tenggelam dengan sendirinya akibat pola kepenggunaan umat Islam yang lebih suka membeli barang-barang buatan barat. Baratpun semakin bermaharajalela mendominasi dunia Islam. Ini secara lebih jelas digambarkan Ameli (t.t.), sebagai berikut:

*"Economic system of developing countries are gradually loosing their strength, western consumerism destroys the indigenous economic production - people don't like their own production because western production is considered very fashionable - its very attractive production. Day by day you can see new products through their media - its doesn't stop at any stage - you cannot see an end point - every day every minute new fashion new culture new phenomena that the people cannot decide whether to go for this or that".<sup>13</sup>*

Berdasarkan realiti di atas, jelas terlihat bahawa kehadiran globalisasi telah mengancam ekonomi negara-negara berkembang dan miskin yang majoritinya dihuni oleh umat Islam. Sementara itu, negara-negara maju sangat beruntung oleh kerana globalisasi dengan memanfaatkan segala kelebihannya, mereka dengan mudah dapat menjana keuntungan di atas kelemahan negara-negara miskin. Ekorannya, ketidakseimbangan pembangunan dunia akan berlaku, di mana negara maju akan semakin maju dan negara miskin akan semakin papa. Ini disebabkan, *inter alia*, oleh ketidakadilan pengagihan sumber alam dan sumber manusia secara global, ketidakseimbangan peningkatan mutu dan keahlian sumber manusia sejagat dan ketidakadilan kesempatan yang diperolehi dunia sejagat untuk mejana keuntungan ekoran kemajuan teknologi. Fenomena ini telah menyebabkan sebahagian orang melihat bahawa globalisasi itu tidak lebih dari pada imperialisme gaya baru (*new imperialism*), di mana institusi perdagangan dan kewangan dunia, seperti *World Bank*, *International Monetary Fund* (IMF) dan *World Trade Organization* (WTO) secara sistematis melakukan usaha untuk menjarah kekayaan dunia berkembang dan miskin dan menjadikan dunia ke-3 tersebut sebagai pasaran berpotensi untuk menjual pelbagai barang dan perkhidmatan yang mereka keluarkan dengan dalih pasaran bebas. Cabaran ini haruslah diatasi secara pantas dengan mengambil inisiatif kreatif untuk membekalkan diri dalam menghadapi pelbagai kesan negatif globalisasi. Kalau tidak, maka umat Islam pasti akan menjadi mangsa globalisasi. Ketidaksiapan negara-negara Muslim menghadapi globalisasi dapat kita lihat dari sebuah laporan yang menyebutkan bahawa pada tahun 1994, jumlah keseluruhan perdagangan negara-negara Muslim yang tergabung dalam *Organization Islamic Countries* (OIC) hanya 6.3% atau US\$ 265 billion dari jumlah

---

<sup>13</sup> *Ibid*, h. 91-92.

keseluruhan perdagangan dunia, US\$4,184 billion.<sup>14</sup> Tidak hanya itu, Yusuf (2001) juga melaporkan tingginya perbezaan kadar penghasilan antara negara maju dengan negara miskin, seperti berikut: "*Forty years ago the per capita incomes of the twenty richest countries were fifteen times the level of the twenty poorest countries. This ratio has now doubled to thirty*".<sup>15</sup> Bukankah data ini menunjukkan bahawa pembabitan dunia Islam dalam perdagangan dunia sangat tidak aktif, padahal populasi umat Islam mencecah hampir 25% dari penduduk dunia! Kemana umat Islam? Kenapa kita lebih memilih untuk menjadi penonton daripada pemain? Apakah kita sudah pasrah dengan kemiskinan kita?; ataupun kita memang tidak berdaya lagi untuk memperbaiki keadaan ekonomi kita?

Sebenarnya, di segi politik umat Islam telah mempunyai kedaulatan politik (*political sovereignty*) yang tangguh. Tetapi kenapa kedaulatan ekonomi (*economic sovereignty*) umat Islam masih diragukan dan berada di bawah dominasi dan kuasa barat? Apakah umat Islam lupa bahawa mereka telah memiliki konsep perdagangan Islami tersendiri sejak dulu lagi? Bukankah sejak lebih dari 1,400 tahun yang silam, Islam telah menyerukan umatnya untuk berperanan aktif dalam dunia perdagangan. Sejak Islam diturunkan di muka bumi ini, sebenarnya, konsep perdagangan sebagai isu utama globalisasi telah diperkenalkan. Islam menyeru umatnya agar unggul dalam semua bidang kehidupan, termasuk di bidang perdagangan.<sup>16</sup> Bahkan, aktiviti perdagangan merupakan punca utama rezeki bagi umat Islam. Nu'aym Ibn Al-Rahmān melaporkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, yang bererti: "*Rezeki itu datangnya dari sepuluh pintu. Sembilan pintu untuk pedagang, dan hanya satu pintu untuk mereka yang memiliki ketrampilan tangan*".<sup>17</sup>

Pentingnya perdagangan dalam kehidupan umat Islam sebagai isu utama globalisasi, juga dapat kita rujuk pada sejarah perkembangan dunia Islam masa silam. Sebahagian besar penduduk Arab dahulu adalah terdiri dari pedagang-pedagang, ahli perbankan dan pemberong. Begitu juga di Mekkah, hampir semua penduduk yang bermastautin di sana adalah terdiri dari pedagang atau pemberong. Bahkan Nabi Muhammad SAW sendiri adalah sebagai pemimpin kafilah dagang

<sup>14</sup> Statistical Yearbook of the OIC Countries (1994).

<sup>15</sup> Yusuf, S., *op.cit.*, h. 49.

<sup>16</sup> Ini dapat dilihat dari firman Allah SWT yang bererti: "*Kami (Allah SWT) jadikan siang untuk mencari penghidupan* (Surah an-Naba' (78): 11); "*Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah di muka bumi, dan carilah kurnia Allah...*" (Surah al-Jumu'ah (62): 10).

<sup>17</sup> Hadith ini seperti dilaporkan oleh Ibrāhīm Al-Ḥarbī (Al-'Iraqi, 1992) dan Sa'īd Ibn Mansūr (Al-Suyuti, 1990). Sila Rujuk Al-'Iraqi (1192), *Takhrīj Ahādīth Al-Iḥyā' with Iḥyā' Ulūm al-Dīn of Al-Ghazālī*, Kitab Adab Al-Kasb, Beirut, Lebanon: Dār Qutaybah, Vol. 2, h. 95; dan Al-Suyuti (1990), dalam Al-Albāni, N. and Al-Islāmī, A.-M. (Eds), *Da'if Al-Jamī' Al-Saghīr*, Beirut, Lebanon, Hadith No. 2434.

majikannya, Siti Khadijah RA yang kemudian menjadi isterinya. Demikian pula, Abū Bakar Siddiq RA, Uthmān bin ‘Affān RA, dan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb RA adalah pedagang kain dan pedagang jagung yang disegani. Perdagangan adalah suatu aktiviti yang sangat digalakkan Islam kerana ianya bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan ekonomi, malah dapat meningkatkan martabat ekonomi umat Islam di dunia antarabangsa. Al-Ghazālī mengatakan bahawa perdagangan adalah suatu aktiviti yang telah melahirkan pertukaran pelbagai barang industri, sewa-menyewa binatang, pelancongan dan perpindahan wang. Perdagangan juga telah memudahkan manusia untuk memenuhi hajat hidup dan sekaligus meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka.<sup>18</sup>

Dalam usaha untuk melawan dominasi perdagangan dunia barat dan bahkan mengungguli ekonomi mereka, umat Islam harus memiliki kesedaran untuk berusaha keras dan serius sehingga dapat mendominasi dalam pelbagai bidang kehidupan. Tanpa adanya kesedaran tersebut, maka usaha untuk mengungguli dominasi barat akan berakhir dengan sebuah kegagalan. Langit tidak pernah menurunkan hujan emas dan perak; dan "...sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri".<sup>19</sup> Namun, dalam berusaha untuk kepentingan dunia, umat Islam tidak dibenarkan untuk mengabaikan bahagiannya di akhirat kelak dengan menunaikan segala kewajipan agama. Dalam melakukan pelbagai aktiviti, umat Islam harus memastikan adanya keseimbangan (*equilibrium*) antara aktiviti duniawi dan ukhrawi atau keseimbangan antara usaha mencari rezeki dengan usaha untuk mencari rahmat Ilahi.<sup>20</sup> Dengan berpedoman pada aturan Ilahi, al-Qur'ān dan Sunnah, semua usaha umat Islam termasuk dalam bidang ekonomi akan mendapat curahan rahmat Allah SWT dan bahkan dengan mudah akan berjaya menghadapi kekuatan musuh Islam dan bahkan mengungguli mereka.

<sup>18</sup> Abd. Majid, M.S. (2004), *Ekonomi Islam Kontemporer: Isu-Isu Global dalam Perspektif Ekonomi Islam*, Jakarta: LAZNAS BMT, h. 237.

<sup>19</sup> Surah ar-Ra'd (13): 11.

<sup>20</sup> Perintah Allah SWT ini seperti terakam dalam erti ayat berikut: "Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggallah jual beli..."; dan "Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah dimuka bumi, dan carilah kurnia Allah..." (Surah al-Jumu'ah (62): 9 dan 10). Pentingnya keseimbangan (*equilibrium*) dalam melakukan pelbagai aktiviti juga terakam dalam doa yang sentiasa kita baca selalu, yang bererti: "Ya Allah berilah kebahagiaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup di akhirat" (Surah al-Baqarah (2): 201).

## Cara Islam Atasi Globalisasi<sup>21</sup>

Bagi umat Islam, istilah globalisasi, sebenarnya, bukanlah suatu istilah baru. Perkataan "*ummah al-wāhidah*" dalam al-Qur'an menunjukkan bahawa Muslim adalah umat yang satu.<sup>22</sup> Kata "*ummah al-wāhidah*" jelas menunjukkan bahawa umat Islam adalah umat yang global, bersatu padu dan memiliki hubungan persaudaraan yang erat antara sesama Muslim di seluruh pelosok dunia. Di samping itu, Islam sangat menggalakkan segala bentuk kerjasama untuk menegakkan ma'ruf, dan sebaliknya membenci semua bentuk kejahilan.<sup>23</sup> Kerjasama ini tidak semestinya hanya dilakukan hanya antara individu, tetapi juga kerjasama antara umat. Bukti lain bahawa Islam sebagai agama global, dapat kita lihat dari perkataan "*Yā Ayyuhan Nās*" dan "*Yā Ayyuhal Lazī na Amanū*" pada setiap permulaan ayat yang, masing-masing, diturunkan di Mekkah (*Makkiyyah*) dan di Madinah (*Madiniyyah*). Kedua panggilan ini, menunjukkan bahawa manusia dan umat Islam itu adalah makhluk global yang sama kedudukannya di hadapan Allah SWT, kecuali kadar ketaqwaan yang menjadi pembeza.<sup>24</sup> Pekara ini seperti dinyatakan Teilhard de Chardin (1995) bahawa:

*"...semakin jauh dan dalam kita menatapi persoalan dengan peralatan yang semakin canggih, semakin terasa bahawa kita semakin membaur secara interdependen dengan setiap bahagian-bahagian.....semua di sekitar kita, sejauhmana mata memandang, alam semesta bersatu padu bersama, dan hanya satu cara yang*

<sup>21</sup> Sebahagian besar isi dari bahagian ini telah disiarkan di *Berita Harian Malaysia* (Ogos, 2001), *Berita Harian Singapura* (September-Okttober, 2001) dan *Majalah Dewan Ekonomi Malaysia* (Julai & Ogos, 2002). Sila rujuk Abd. Majid, M.S. (2001), "Globalisasi Ekonomi Mengikut Islam", *Berita Harian Malaysia*, Rabu, 8 Ogos 2001; Abd. Majid, M.S.(2001), "Menyesuaikan Cabaran Globalisasi dengan Matlamat", *Berita Harian Malaysia*, Kamis, 9 Ogos, 2001; Abd. Majid, M.S. (2001), "Menangani Penyejagatan", *Berita Harian Singapura*, Jum'at, 14 September, 2001; Abd. Majid, M.S. (2001), "Globalisasi: Sudahkah Kita Bersiap?", *Berita Harian Singapura*, Jumaat, 21 September, 2001; Abd. Majid, M.S. (2001), "Pemain Utama Globalisasi?", *Berita Harian Singapura*, Jumaat, 28 September & 5 Oktober, 2001; Abd. Majid, M.S. (2002), "Globalisasi Ekonomi dan Cabarannya dalam Perspektif Islam", *Majalah Dewan Ekonomi*, Malaysia. Julai & Ogos, 2002.

<sup>22</sup> Sila rujuk, Surah al- Māidah (5): 48, an-Nahl (16): 93, dan al-Syura (42): 8.

<sup>23</sup> "...dan tolong menolonglah kamu dalam berbuat kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran..." (Surah al- Māidah (5): 2).

<sup>24</sup> "...yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu..." (Surah al-Hujurat (49): 13).

*mungkin untuk mempertimbangkannya, iaitu untuk mengambilnya secara komprehensif sebagai satu bahagian yang utuh".<sup>25</sup>*

Keterangan di atas berimplikasi bahawa galakan agama agar umat Islam bekerjasama dan bersatu padu haruslah diamalkan dan dipertahankan dalam menghadapi pelbagai cabaran, termasuklah dalam menghadapi kesan globalisasi. Kerana musuh globalisasi yang harus dihadapi bersifat global, maka Naqvi (2000) mengharuskan umat Islam untuk bersatu padu dan secara kolektif melakukan perubahan tersusun (*orderly transformation*).<sup>26</sup> Ini menunjukkan betapa pentingnya kesepakatan bersama untuk menghadapi musuh globalisasi secara bersama-sama pula. Seruan agar bersatu padu<sup>27</sup> atau berintegrasi dalam menghadapi musuh Allah SWT dan pentingnya kesepakatan dan kerjasama dalam menghadapi globalisasi, lebih lanjut, telah diakui sendiri oleh Wolfensohn (2001), Mantan Presidean *World Bank*, seperti berikut:

*"Kita telah melihat dalam ekonomi global hari ini di mana negara-negara sedang menuju ke sebuah pasaran ekonomi dunia. Dalam dunia global sekarang negara-negara dengan mudah dapat mengswastakan, dan menghancurkan monopoli negara, dapat mengurangi subsidi negara.....tetapi jika mereka tidak memperkenalkan saluran-saluran yang aman, tidak memiliki kesepakatan (kesatuan) sosial dan politik bersama untuk sebuah reformasi, jika mereka tidak membawa masyarakatnya dengan mereka, pembangunan yang mereka rasakan sekarang akan selalu berbahaya".<sup>28</sup>*

Lebih lanjut, konsep "*ummah al-wāhidah*" dalam Islam juga berimplikasi bahawa semua keuntungan dan kerugian harus ditanggung bersama berteraskan nilai-nilai kekeluargaan dan persaudaraan. Satu kelompok dari umat tidak boleh memanfaatkan kekuatannya untuk menjana keuntungan dari kelompok yang lebih

<sup>25</sup> Teilhard de Chardin (1995), *The Phenomenon of Man*. New York: Harper and Row Publisher Inc, h. 231.

<sup>26</sup> Naqvi, S. N. H. (2000), "International Economics and Trade Liberalization: Challenges to Muslim Countries" (Kertas Kerja *International Conference*. Kuala Lumpur, Malaysia), h. 56.

<sup>27</sup> Amar Allah SWT ini seperti terakam dalam al-Qur'an yang bermakna: "Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaiakanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat" (Surah al-Hujurat (49): 10).

<sup>28</sup> Wolfensohn, J. (2001), *On the Challenges of Globalization; The Role of the World Bank*, Arab News, Jeddah, Saudi Arabia, March 2, 2001.

lemah.<sup>29</sup> Namun, tidak bersatunya umat Islam akibat kurangnya pemahaman terhadap konsep persaudaraan pada umumnya dan konsep keuntungan dan kerugian bersama pada khususnya, telah menyebabkan negara-negara maju dengan mudahnya memanfaatkan kelemahan umat Islam untuk dieksplorasi. Perseteruan antara negara Muslim dengan negara Muslim lainnya, seperti krisis di Timur Tengah antara Iraq dan Kuwait, Iraq dan Iran, etc., jelas akan memudahkan negara maju untuk menjajah ekonomi umat Islam.

Dalam konsep "*ummah al-wāhidah*", sebagai agama global (*universal*)<sup>30</sup> Islam tidak menghalang sedikitpun bagi pemeluknya untuk berinteraksi, bertransaksi, dan berkomunikasi, atau dalam istilah al-Qur'an disebut "*ta'āruf*" (berkenalan) sama ada antara umat Islam sendiri maupun dengan non-Muslim. Islam menyerukan umatnya untuk "*ber-ta'āruf*" dengan sesiapa sahaja tanpa mengenal perbezaan warna kulit, agama, suku, dan perbezaan fizikal serta keyakinan lainnya.<sup>31</sup> Dari proses "*ta'āruf*" inilah akan lahir pelbagai bentuk kerjasama yang saling-menguntungkan (*mutual cooperation*), seperti perdagangan. Dengan lain perkataan, "*ta'āruf*" merupakan langkah awal menuju sebuah kerjasama/kesepakatan. Maka, dalam menghadapi era globalisasi yang penuh dengan cabaran dan peluang, sebagai "*umat yang satu*", umat Islam juga harus bersatu padu. Namun, strategi bersama yang bersifat komprehensif dan integral sangat menentukan kejayaan dari sebuah kerjasama. Agar berjaya dalam menghadapi tantangan globalisasi, umat Islam harus bekerjasama untuk mengubah cabaran globalisasi menjadi peluang yang dimanfaatkan bagi kemaslahatan umat. Ini bermakna umat Islam hendaklah memiliki matlamat bersama. Apapun yang berlaku sama ada kerugian maupun keuntungan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama pula. Agar kita berjaya dalam menghadapi semua cabaran, maka umat Islam harus memiliki seperti apa yang dinyatakan oleh Nik Hassan (1998), bersama kita membangun (*together we develop*) sebagai strategi dan bersama kita menikmati hasil (*together we share the reward*)

<sup>29</sup> "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah..." (Surah al-Baqarah (2): 188); "...kamu tidak berbuat zalim kepada sesiapapun dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapun" (Surah al-Baqarah (2): 279); dan "...tidak memudaratkan diri dan memudaratkan orang lain..." (Hadith Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah).

<sup>30</sup> Ini dapat kita semak dari matlamat Islam, al-Qur'an dan bahkan Rasulullah diturunkan ke permukaan bumi ini, tidak lain sebagai "*rahmat al- 'alamin*".

<sup>31</sup> Perkara ini seperti firman Allah SWT yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman sesungguhnya Kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal (*li ta'ārafū*). Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu..." (Surah al-Hujurat (49): 13).

sebagai matlamat.<sup>32, 33</sup> Dengan memiliki matlamat bersama, maka dengan mudah strategi bersama untuk kepentingan bersama pula akan dapat dicorakkan. Sebab, jika kita tidak memiliki sebuah mimpi, bagaimana kita dapat mengubahnya menjadi nyata (*If you do not have a dream, how do you make a dream come true?*).<sup>34</sup> Ini bererti bahawa umat Islam tidak akan maju bila memang tidak pernah berhasrat untuk maju. Keinginan untuk maju harus menjadi agenda penting setiap pemimpin Islam.

Sebenarnya, ketidakberdayaan negara Muslim dalam menghadapi musuh globalisasi juga tidak terlepas dari kurangnya seni untuk mentadbir, lemahnya strategi, pendekatan, dan metod untuk memperkuat kerjasama antara negara Muslim. Oleh itu, umat Islam perlu memiliki media global (*globalized media*) yang berkredibiliti tinggi sehingga dapat digunakan untuk menyampaikan mesej secara global sama ada dalam menafikan pembohongan media barat terhadap Islam maupun untuk mempengaruhi serta mengubah pola fikir umat Islam sendiri. Ini amatlah penting agar kita dapat menafikan semua pembohongan yang disebarluaskan media barat yang sifatnya sangat merugikan umat Islam. Seperti ditulis Tash (1997) bahawa pihak barat sering memberi gambaran dan imej keliru terhadap Islam, seperti selalu ditayangkan dalam filem-filem Hollywood dan disiarkan di pelbagai media mereka.<sup>35, 36</sup> Dengan adanya media global ini, umat Islam tidak akan mudah tertipu dengan media barat yang menyiar hasil kajian ilmiah yang sangat merugikan

<sup>32</sup> Nik Hassan, N. M. (1998), “Values-Based Worker-Towards Developing Quality and Productive Personality”, dalam Nik Hassan, N.M., (Eds). *Values-Based Management: The Way Forward for the Next Millennium*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), h. 134.

<sup>33</sup> Semua negara Islam harus memiliki matlamat bersama untuk, iaitu: membanteras kemiskinan dan mencapai ekonomi dalam keadaan guna tenaga penuh (*full-employment*); meningkatkan kestabilan matawang; mewujudkan keadilan sosio-ekonomi melalui sistem pengagihan yang berkeadilan; mengharmonisasikan hubungan kerjasama regional dan antarabangsa; menguatkuasakan undang-undang dan peraturan; dan menjamin kebebasan bagi perusahaan terhadap pemilikan harta swasta/individu, sistem pasaran dan keuntungan. Rujuk Zineldin, M., *op.cit.*, h. 10.

<sup>34</sup> Naqvi, S. N. H., *op.cit.* h. 58.

<sup>35</sup> Tash, A. (1997), “The West's Clouded View of Arabs and Islam”, *Arab News*, Jeddah, Saudi Arabia, Jun 22, 1997.

<sup>36</sup> Setelah berlaku ‘Tragedi Pengeboman Bangunan WTC’ di Amerika Syarikat pada 11hb September 2001, imej umat Islam di mata barat tidak lebih dari fundamentalis dan teroris. Padahal teroris dan fundamentalis adalah bukan bahagian daripada Islam. Islam adalah agama kasih sayang, persaudaraan, dan agama rahmat.

umat Islam.<sup>37</sup>

Walaupun demikian, dalam menghadapi kesan globalisasi umat Islam tidak perlu melakukan perlindungan membuta-tuli (*all-out protectionism*), namun, perlindungan terpilih (*selective protection*) adalah memadai untuk menghadapi kesan globalisasi. Dalam perkara ini, Naqvi (2000) berkata:

*"Untuk menghadapi globalisasi kita harus mampu menghadapi cabaran sistem global yang sebenar. Kita tidak patut menolak globalisasi secara membuta-tuli, kita harus menerima globalisasi, memahaminya, dan kemudian memanfaatkannya untuk keuntungan masyarakat kita. Menerimanya sebagai kejadian sejarah masa depan yang tidak dapat dielakkan. Kemudian, memahaminya adalah penting kerana dengan adanya pemahaman kita akan termotivasi untuk menggunakan kekuatan lobi-lobi (powerful lobbies) yang disokong oleh perusahaan multinasional, bukan disokong oleh kekuatan magik pasaran bebas. Akhirnya, kita harus mengubahnya agar cabaran globalisasi itu dapat disesuaikan dengan matlamat kita bersama..."*<sup>38</sup>

Diakui atau tidak, sebenarnya, umat Islam telah berusaha untuk mengintegrasikan ekonomi mereka. Pelbagai bentuk kerjasama regional antara negara Muslim telah

---

<sup>37</sup> Sebagai contoh, media barat sentiasa menyatakan bahawa kemunduran umat Islam semata-mata disebabkan oleh kurangnya modal yang mereka miliki. Padahal dalam realitinya tidak semuanya demikian. Tuduhan seperti ini, sebenarnya, bermatlamat untuk memotivasi negara Muslim agar meminjam modal (berhutang) dari mereka. Sehingga dengan berhutang pada negara-negara maju, maka negara-negara maju dengan mudah dapat mencampuri urusan dalam negara Muslim. Perkara ini jelas terlihat dari pengalaman bagaimana kucar-kacirnya ekonomi Indonesia yang nyawa ekonominya sekarang sangat bergantung pada injeksi dana dari *International Monetary Fund* (IMF).

<sup>38</sup> Naqvi, S. N. H., *op.cit.*, h. 57.

ditubuhkan.<sup>39</sup> Kerjasama regional ini adalah merupakan proses awal menuju globalisasi. Dalam menghadapi globalisasi, umat Islam harus lebih serius mengintegrasikan ekonomi mereka dengan membentuk sebuah kerjasama yang padu, seperti Pasaran Bersama Dunia Islam (*Islamic Common Market*). Kalau tidak, maka umat Islam akan selalu kalah bersaing dan menjadi mangsa globalisasi dunia barat. Perlunya umat Islam mengintegrasikan ekonomi mereka adalah merupakan prasyarat untuk sebuah kejayaan dalam menghadapi kesan dan sekaligus mengglobalisasikan diri. Namun, ironiknya, usaha-usaha umat Islam untuk mengintegrasikan ekonomi mereka, terutama dalam bentuk kerjasama regional lebih cenderung mengikuti pendekatan-pendekatan barat, dan bahkan sering mengabaikan norma-norma Ilahiah. Dalam erti kata lain, umat Islam lebih yakin dengan konsep sekularisme dalam menghadapi pelbagai cabaran duniawi, termasuk kesan globalisasi berbanding dengan konsep Ilahiah. Perkara ini selari dengan pernyataan Yousri (1988):

*"In fact Islamic countries are almost indifferent as regards their true identity. This is the real problem. Many leaders and nationals of Islamic countries identify themselves as Muslims but they do behave in non-Islamic manner. When the governments of Islamic countries run their policies on non-Islamic bases one cannot talk about a possible or successful achievement of any integration among Islamic countries... At present some people would therefore dare to say that Islamic countries are incapable of bearing the responsibilities of Islam and that it is better for them to behave in the modern secular pattern. Others refuse these opinions. They are still full of hopes that they would be able to bring about favorable changes to their countries, so that Islamic ideology would regain*

<sup>39</sup> Setidaknya, ada 18 bentuk kerjasama regional yang membabitkan dunia Islam sekarang, iaitu: ACC: Arab Cooperation Council; ACM: Arab Common Market; AMU: Arab Magreb Union; ASEAN: Association of Southeast Asian Nations; BA: Bangkok Agrement; CAEU: Council of Arab Economic Unity; CEAQ: West African Economic Community; CEEAC: Economic Community of Central African States; ECO: Economic Cooperation Organization; ECOWAS: Economic Community of the West African States; ESAPTA: Preferential Trade Area for Eastern and Southern Africa; GCC: Gulf Cooperation Council; MRU: Mano River Union; PTANA: Preferential Trade Agreement for North Africa; SAARC: South Asian Association for Regional Cooperation; SADC: South African Development Community; UDEAC: Central African Customs and Economic Union.; dan WAMU: West Africa Monetary Union. Untuk lebih jelas ke dalam bentuk kerjasama regional apa sahaja dunia Islam bergabung, lihat laporan SESRTCIC (2000), "Regional Economic Groupings of the OIC Countries", *Journal of Economic Cooperation among Islamic Countries*. Vol. 21, Jil. 2, 2000, h. 67-114.

*its proper place and thus affects the course of political, economic and social life".<sup>40</sup>*

Wujudnya integrasi ekonomi antara dunia Islam bukanlah bererti menciptakan konflik baru dengan barat. Ini sama halnya dengan bentuk integrasi ekonomi di negara Eropah, Amerika Latin, dan antara negara-negara maju lainnya. Integrasi muncul kerana adanya kesamaan, seperti penyesuaian diri, kepercayaan dan komitmen. Walaupun dunia Islam juga memiliki kesamaan, seperti kesamaan agama, bahasa, budaya dan tradisi, namun kenapa umat Islam sangat sukar untuk berintegrasi? Kenapa perbezaan antara umat Islam cenderung dibesar-besarkan berbanding persamaan yang mereka miliki? Kenapa umat Islam dalam melakukan aktiviti ekonomi lebih mengutamakan faktor ekonomi (keuntungan) berbanding faktor agama dalam memilih kongsi perniagaan?. Kenapa umat Islam lebih intensif berdagang dengan negara non-Muslim berbanding dengan saudara-saudaranya yang Muslim?<sup>41</sup> Sikap ini harus segera diubah. Walaupun ada keinginan untuk mengubah, kerana adanya konflik dan ketegangan antara dunia Islam secara turun-temurun, maka diperlukan usaha sungguh-sungguh dan serius untuk menghapuskan perbezaan yang timbul antara dunia Islam.

Selanjutnya, umat Islam perlu memiliki pelbagai teknologi moden dalam menghadapi tantangan globalisasi. Hari ini kita melihat bahawa teknologi negara-negara Muslim sangat bergantung pada import luar negara. Kecuali Malaysia, Indonesia, dan beberapa negara Muslim lainnya yang telah mulai mengeksport motokar, kereta, dan pesawat terbang, kebanyakannya dunia Islam masih sangat bergantung pada hasil industri negara maju. Inilah, *inter alia*, kelemahan utama dunia Islam. Ironiknya, tidak sedikit negara Islam telah merasa puas dengan keadaan mereka dalam pelbagai kekurangan. Seharusnya, umat Islam sedar dan segera memperbaiki kekurangannya, khususnya di bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT). Sikap umat Islam ini seperti dikatakan Meena (1997b):

*"We in Muslim world always express satisfaction at the state of Muslim industrial output. But while advances have certainly been made in some sectors, many others within the Muslim world lag far behind those of other Asian countries, let alone Europe or the Americas... What are required are a sincere and honest critique of our present position, and also the creation of research centers. We have had enough of gigantic airports and monstrous shopping malls filled with imported goods. We must focus on the much-*

<sup>40</sup> Yousri, A. R. (1988), *Studies in the Science of Islamic Economics*. Alexandria: Dar El-Gamaat El-Masria, h. 54.

<sup>41</sup> Lihat Abdullah, N., *op.cit.*, h. 9; dan Abdullah, N. dan Abd. Majid, M.S., *op.cit.*, h. 11.

*needed and highly relevant technology industries that will play such vital roles in the next century. We cannot afford to be lax any longer".<sup>42</sup>*

Kenapa umat Islam tidak menggunakan kekayaan alam yang mereka miliki, sekurang-kurangnya, untuk mencari ilmu-ilmu asas dan meningkatkan keahlian mereka sehingga muncul sebagai kekuatan dunia dalam bidang teknologi dan perdagangan antarabangsa? Apakah kita lupa bahawa berbillion-billion Dolar Amerika jumlah pelaburan di luar negara dan di pasaran saham antarabangsa dilakukan oleh orang-orang Muslim yang kaya-raya, majoriti mereka berketurunan Arab? Kenapa kita tidak menubuhkan Pasaran Bersama Dunia Islam (*Islamic World Common Market*) yang memiliki iklim pelaburan yang sihat sehingga mampu menarik, berbillion-billion dolar pelaburan umat Islam yang berada di luar negara untuk kembali masuk ke dunia Islam? Bukankah tidak sedikit tenaga muda dan ahli teknologi yang bekerja sama ada di Amerika Syarikat mahupun di negara-negara maju lainnya adalah berasal dari negara-negara Muslim? Sepatutnya, dunia Islam harus segera meyakinkan perusahaan-perusahaan multinasional dan negara-negara maju lainnya agar berminat untuk memajukan teknologi dunia Islam. Di samping itu, dunia Islam juga harus memujuk para pekerja profesional asal negara Islam untuk kembali berkhidmat di negara kelahirannya. Usaha ini, patut kita contohi dari usaha yang sedang dilakukan Malaysia di mana kepada para pekerja profesional mereka yang berminat kembali ke Malaysia akan diberi pekerjaan dengan gaji dan elaun yang memuaskan.<sup>43</sup>

Sebenarnya idea untuk menubuhkan Pasaran Bersama Dunia Islam bukanlah setakat teori, percakapan sahaja (*lip-service*) dan sesuatu yang tidak mungkin (*impossible*). Kelemahan utama umat Islam adalah terletak pada ketiadaan perancangan yang mantap, penentuan keutamaan dan operasi serta implementasi dari perancangan tersebut. Di samping itu, rasa saling percaya, komitmen, dan motivasi untuk bekerjasama antara dunia Islam juga sangat rendah. Umat Islam sering saling curiga-mencurigai, tuduh-menuduh dan salah-menyalahkan. Umat Islam lebih memilih bersaing daripada bersanding. Meskipun adanya keinginan luar biasa untuk mengubah semua sikap ini dan mulai bekerjasama dan berintegrasi, tetapi adalah

<sup>42</sup> Meena, K. (1997b), "Arabs Lag Behind in International Trade", *Arab News*, Jeddah, Saudi Arabia, April 1, 1997b.

<sup>43</sup> Keseriusan kerajaan Malaysia untuk memujuk warganya yang memiliki kepakaran dan tingkat profesional kerja yang tinggi yang bekerja di luar negara untuk kembali ke Malaysia adalah bermatlamat untuk menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020, selari dengan "*Vision 2020*". Maka, tidaklah menghairankan jika dari ke-56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia diperkirakan akan menjadi satu-satunya negara maju di tahun 2020.

sesuatu yang ironik sekali apabila kita terlalu mengharapkan untuk mencapai kejayaan dalam masa yang singkat (*overnight*). Akibat sifat ketamakan beberapa pemimpin negara Islam untuk menjadi pemimpin dunia Islam dalam pelbagai aspek kehidupan tanpa mengambil kira kelemahan dan kelebihan yang mereka miliki, tingginya kadar buta huruf di hampir semua negara Islam, dan berlarut-larutnya konflik sempadan antara negara Islam,<sup>44</sup> telah menjadi penghalang utama wujudnya integrasi ekonomi antara dunia Islam. Jika dunia Islam hanya pandai bercakap mengenai impian dan harapan tanpa diikuti oleh kerja keras dan tindakan yang nyata, maka mustahil integrasi ekonomi dunia Islam akan dapat diwujudkan dalam masa singkat.<sup>45</sup> Kita tidak boleh berharap perbezaan politik, geografi dan sejarah antara dunia Islam akan selesai dalam masa singkat, melainkan adanya usaha serius dan berterusan dilakukan pemimpin dunia Islam pada khususnya, dan umat Islam pada umumnya untuk meminimakan perbezaan yang wujud antara dunia Islam.

Kalau kita bandingkan negara maju dengan dunia Islam, memang suatu yang ironik. Hampir semua negara di dunia global ini, umumnya negara-negara maju mereka sangat aktif mengadakan kerjasama dan integrasi ekonomi untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan umat. Namun, tidak dengan negara-negara Islam. Mereka tidak begitu berminat untuk bekerjasama dan berintegrasi antara sesama dunia Islam. Malah mereka masih menyimpan konflik dan saling berperang sesama sendiri. Di dunia Arab sahaja, konflik antara Syria dan Palestin, Syria dan Jordan, Syria dan Iraq, Mesir dan Sudan, Aljeria dan Maghribi masih menjadi isu yang belum sepenuhnya selesai. Ini belum lagi termasuk pemberontakan menentang kerajaan yang terjadi di masing-masing negara.<sup>46</sup> Bukan setakat itu sahaja, bahkan beberapa negara Muslim saling membebankan cukai/duti hingga 100 peratus terhadap barang import yang berasal dari negara Muslim lainnya, padahal tindakan seperti ini tidak pernah dilakukan negara-negara lain, termasuk Israel sekalipun.<sup>47</sup>

Selanjutnya, sifat saling percaya antara umat Islam harus sentiasa dibaja, kerana ianya merupakan kunci utama kejayaan dalam sebuah kerjasama. Sherman (1992) menyebutkan bahawa faktor utama penghalang kejayaan dalam bekerjasama adalah

<sup>44</sup> Sebagai contoh, kita dapat melihat bagaimana berlarut-larutnya perebutan beberapa pulau antara Malaysia dan Indonesia, seperti Pulau Ligitan, Pulau Ambalat, dan beberapa pulau lainnya.

<sup>45</sup> Akibat seringnya *Organization of Islamic Conference* (OIC) dalam setiap pertemuannya merekomendasikan pelbagai keputusan tanpa mampu merealisasikannya di lapangan, maka istilah OIC sering diertikan dengan "*Only In Conference*" atau "*Oh I see*"

<sup>46</sup> Ini misalnya, perjuangan rakyat Aceh yang telah berlangsung puluhan tahun dengan Indonesia, suku Kurdi di Iraq, Kashmir di Pakistan, dan lain-lain.

<sup>47</sup> Zineldin, M., *op.cit.*, h. 6.

kurangnya rasa saling-percaya.<sup>48</sup> Kejayaan dalam bekerjasama juga bergantung pada sejauhmana kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), keahlian, kewangan, sumber alam dan manusia yang dimiliki dunia Islam dipergunakan untuk kepentingan kerjasama, menyelesaikan perbezaan dan melindungi semua aktiviti ekonomi dan perdagangan bersama. Namun semua ini sangat bergantung pada komitmen kerjasama. Komitmen kerjasama ini, menurut Morgan dan Hunt (1994) adalah:

*"...an exchange partner believing that an ongoing relationship with another is so important as to warrant maximum efforts at maintaining it; that committed party believes that the relationship is worth working on to ensure that it endures indefinitely".<sup>49</sup>*

Perlu disedari bahawa, tidak selamanya hubungan kerjasama jangka panjang akan menguntungkan atau "menjanjikan syurga". Jadi jelas bahawa kunci utama kejayaan sebuah hubungan kerjasama adalah adanya rasa saling percaya dan komitmen yang teguh. Kepercayaan dan komitmen ini haruslah dibaja berteraskan hubungan permainan tiada pihak yang kalah (non-zero-sum game) atau permainan yang sama-sama menang (win-win solution).

Di samping itu, kejayaan kerjasama juga bergantung pada kemampuan untuk berkomunikasi secara interdependen, saling memiliki harapan positif sehingga keuntungan bersama akan dapat direalisasikan. Perkara ini seperti dinyatakan Faulkner (1992) bahawa:

*"The relationship of the partners ... is a key to the success of the arrangement. It may not be a sufficient factor itself, since the successful alliance needs positive quantifiable results, but it is certainly a necessary condition. An appropriate attitude has two major components, commitment and trust"<sup>50</sup>*

Kejayaan dalam menjalankan kerjasama sebagai sebuah proses dinamik juga sangat ditentukan oleh bentuk interaksi, kepercayaan, penyesuaian dan komitmen yang diberikan masing-masing pihak yang bekerjasama. Zineldin (1995) menyebutkan

<sup>48</sup> Sherman, S. (1992), "Are Strategic Alliances Working?", *Fortune*, September, 1992, h. 77-78.

<sup>49</sup> Morgan, R.M., and Hunt, S.D. (1994), The Commitment-Trust Theory of Relationship Marketing, *Journal of Marketing*, Vol. 58, 1994, h. 209-38.

<sup>50</sup> Faulkner, D. (1992), "Strategic Alliances: Cooperation for Competition", dalam Faulkner, D., Johnson, J. (Eds.). *The Challenge of Strategic Management*, London: Kogan Page Ltd, 1992, h. 59.

bahawa: "sebuah strategi dalam sebuah hubungan sering dibina atas landasan saling percaya-mempercayai, bekerjasama, memiliki kepentingan dan matlamat yang sama, keakrabatan dan komitmen...".<sup>51</sup> Ini menunjukkan bahawa keyakinan, kepercayaan, saling hormat-menghormati, etika dan cara bagaimana krisis dan kesulitan diatasi antara rakan kongsi merupakan beberapa faktor utama penentu kejayaan dalam bekerjasama. Seterusnya, kerjasama yang telah disepakati dan sedang dijalankan mestilah ditadbir, dijaga, dipertahankan, dan bahkan semakin diperkuat hubungannya. Sebab usaha untuk menjaga kerjasama yang telah terbina, kadang kala, lebih sukar daripada membina kerjasama yang baru. Kerjasama perlu dibaja, kerana kerjasama yang berterusan (*sustainable*), pasti akan menyediakan pelbagai pulangan dan peluang. Dengan bekerjasama, kegiatan di luar kemampuan masing-masing individu/negara sama ada dalam melakukan kajian ilmiah mahupun pembangunan teknologi, pengeluaran dan pengumpulan modal dengan mudah akan dapat dilakukan. Jelas, ini akan memberi manfaat signifikan terutama dalam menciptakan teknologi moden sehingga dapat memenangi persaingan global demi menjana keuntungan bersama.

Apabila dunia Islam mampu mengintegrasikan ekonominya, ini akan menjadikan dunia Islam sebagai sebuah kekuatan pakatan ekonomi baru dalam menghadapi pasaran global yang kompetitif. Daripada memiliki 56 negara Muslim dengan 56 negara yang berbeza sama ada dari segi sistem ekonomi, peraturan mahupun undang-undang, kini 56 negara Muslim telah memiliki satu perekonomian yang kuat. Kekuatan integrasi ekonomi dunia Islam merupakan salah satu cara terbaik untuk menciptakan dunia Islam yang penuh kedamaian serta mampu mengatasi lawan. Ini menunjukkan bahawa dunia Islam yang kuat bukan hanya dengan memiliki askar yang kuat dan senjata moden, tetapi juga harus memiliki ekonomi yang tangguh, tentunya melalui integrasi ekonomi dunia Islam. Bila dunia Islam telah berjaya mengintegrasikan ekonominya, maka semua negara barat dan Eropah akan melihat dunia Islam dengan perspektif yang berbeza.

## KESIMPULAN

Merujuk pada penjelasan di atas dapat kita simpulkan bahawa globalisasi merupakan suatu proses untuk "menduniakan negara", iaitu dengan cara mewujudkan satu negara tunggal dunia di bawah Pemerintahan Federasi Dunia yang kestabilan ekonominya dikawal oleh Bank Sentral Dunia. Di tengah rancaknya arus globalisasi, ternyata umat Islam masih lagi dikelirukan dengan istilah globalisasi itu sendiri. Buktinya, berbanding dengan negara-negara sosialis yang sudah mulai memberi respon terhadap globalisasi, ternyata dunia Islam masih

<sup>51</sup> Zineldin, M. (1995), "Bank-Company Interactions and Relationships: Some Empirical Evidence", *International Journal of Bank Marketing*, Vol. 13, Jil. 2, 1995, h. 23-36.

bersikap mengamati, menunggu dan melihat (*watch, wait and see*). Sikap ini tentu sangat merugikan umat Islam sendiri. Sebagaimana diketahui bahawa globalisasi ini bukanlah sesuatu yang semuanya buruk dan juga ianya bukanlah sesuatu yang seluruhnya baik (*maksum*) tanpa cela, tetapi globalisasi lebih kepada peluang dan cabaran. Kerana peluang dan cabaran globalisasi yang harus direbut dan menentang umat Islam bersifat global, maka untuk mengubah cabaran menjadi peluang, umat Islam harus bekerjasama dan bersatu padu secara global pula. Kalau umat Islam masih terus menerus saling menaruh curiga, tuduh-menuduh dan salah-menyalahkan atau lebih memilih bersaing daripada bersanding/berintegrasi, maka usaha untuk merebut peluang globalisasi mustahil akan berjaya.

Dengan lain perkataan, musuh umat Islam bukanlah hanya negara barat, tetapi termasuk mereka (umat Islam) sendiri. Dengan bersatu padu dan mengintegrasikan ekonominya, dunia Islam akan dipandang barat dengan perspektif yang berbeza, tidak lagi sebagai bangsa yang daif tetapi bangsa yang harus diperhitungkan. Sebagai agama yang bersifat universal dan global, Islam menggalakkan umatnya agar bertindak “bersama membangun” (*together we develop*) sebagai strategi dan “bersama menikmati hasil” (*together we share the reward*) sebagai matlamat dalam melakukan pelbagai aktiviti, termasuk dalam menghadapi cabaran dan merebut peluang globalisasi. Islam bukan agama anti-globalisasi. Konsep "*ummah al-wāhidah*" jelas menunjukkan bahawa umat Islam adalah umat yang global, bersatu padu dan memiliki hubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain di seluruh penjuru dunia.

Agar dunia Islam berjaya dalam bekerjasama menuju integrasi ekonomi keseluruhan (*total economic integration*), sikap saling percaya dan komitmen antara dunia Islam harus dibaja. Keyakinan, saling hormat-menghormati, etika dan cara bagaimana krisis dan kesulitan diselesaikan antara dunia Islam juga merupakan faktor utama penentu kejayaan dalam bekerjasama. Akhirnya, apabila integrasi ekonomi antara dunia Islam telah wujud, maka sebagai sebuah kekuatan pakatan ekonomi baru, dunia Islam dengan mudah akan dapat bersaing di pasaran global secara lebih kompetitif. Kenapa tidak, kerana daripada memiliki 56 negara Muslim dengan 56 negara yang berbeza sama ada dari segi sistem ekonomi, peraturan mahupun undang-undang, dengan adanya integrasi ekonomi total, maka kini 56 negara Muslim telah berubah menjadi satu kekuatan ekonomi baru.